

# BERITA KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA, 55100 KUALA LUMPUR

( EDARAN DALAMAN SAHAJA )

BIL. 04/03


MAC 2003

[http:// www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

## KANDUNGAN

- Seminar Pemantapan Aktiviti Kebudayaan KUIM
- Diskusi Syariah Dan Undang-Undang KUIM
- Peristiwa
- Mesyuarat

## SEMINAR PEMANTAPAN AKTIVITI KEBUDAYAAN KUIM



(gambar kiri) Hj. Mahzan menerangkan cara penggunaan *key melody* lagu dengan betul manakala (gambar kanan) Dato' Jins menghadaiahkan buku puisi "Aku Hanya Mahu Ke Seberang" kepada Cik Rozihani Mohamad. GAMBAR – DJOHAN.

**19 Mac.** – Bertempat di Dewan Kuliah 4, Tingkat 10, Menara B telah diadakan Seminar Pemantapan Aktiviti Kebudayaan KUIM: Langkah Pencarian Ceruk (Niche) anjuran Unit Perhubungan dan Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Objektif seminar satu hari tersebut diadakan adalah untuk mendapatkan hasil sumbang saran tenaga pakar untuk dijadikan panduan pelaksanaan program kebudayaan; menyediakan dasar dan garis panduan program kebudayaan; merancang aktiviti budaya yang sesuai dengan 'niche' di KUIM dan intervensi penyelesaian terhadap adaptasi budaya yang kompleks dalam masyarakat sekarang juga memantapkan untuk melaksanakan aktiviti kebudayaan.

Seminar tersebut telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin manakala pembentang kertas kerja pada seminar tersebut adalah Dato' Jins Shamsuddin, pelakon lagenda negara; Tuan Hj. Mahzan Hj. Abdul Manan, penggubah lagu dan Prof. Dr. Abdul Samat Musa, Dekan Fakulti Syariah dan Kehakiman. Pada seminar tersebut juga Dato' Jins Shamsuddin telah menghadaiahkan cenderahati iaitu sebuah buku puisi bertajuk *Aku Hanya Mahu Ke Seberang* yang telah ditulis oleh Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya.

## DISKUSI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG SIRI I

**31 Mac** – Fakulti Syariah dan Kehakiman telah menganjur Diskusi Syariah dan Undang-Undang Siri I bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti, Tingkat 13, Menara A. Diadakan diskusi tersebut adalah untuk memberi peluang kakitangan akademik berkongsi pengetahuan melalui pembentangan kertas kerja ilmiah; mewujudkan budaya diskusi intelek di kalangan kakitangan akademik dan mahasiswa KUIM dan menggalakkan aktiviti pembangunan akademik di Fakulti Syariah dan Kehakiman.



## PERISTIWA

- 17 Mac** - Temuduga Jawatan N17 di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 15.  
**20 Mac** - Lawatan Kerja Pihak Urusetia Majlis Pecah Tanah KUiTTTHO ke Unit Perhubungan Awam.  
- Temuduga Jawatan F17 di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 15.  
**21 Mac** - Lawatan ke Tapak Kampus Tetap KUIM di Nilai oleh Pihak Pengurusan.  
**21-22 Mac** - Penyertaan KUIM di Ekspo Pameran IHTIFAL ke-13 di Sekolah Menengah Agama Dato Klana Petra Maamor, Ampangan, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.  
**22 Mac** - Program “WARASHAH TAQWIYAH USULI FIQH MUAMALAT” anjuran Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan Pusat Pengajian Umum.  
**22-23 Mac** - Lawatan Kerja KUIM ke UNIMAS.  
**29 Mac** - Forum “Isteri Idaman Suami” Anjuran Kelab Wardah dan Biro Kerohanian.  
- Pertandingan Bowling Persahabatan KSK 2003 anjuran Kelab Setiausaha KUIM.

## MESYUARAT

- 17 Mac** - Mesyuarat Jawatankuasa Penerbitan Khas Konvokesyen KUIM, Bilik Mesyuarat Tingkat 13.  
- Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran, Bilik Mesyuarat Utama.  
**19 Mac** - Mesyuarat Khas Senat, Bilik Mesyuarat Utama.  
**20 Mac** - Mesyuarat Pelancaran Buku Terbitan KUIM, Bilik Mesyuarat Tingkat 13.  
- Mesyuarat Penyelarasan Kod Bagi Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian, Bilik Mesyuarat Unit Pembangunan, Tingkat 15.  
**21 Mac** - Mesyuarat Penyelarasan Gred Peperiksaan Akhir Semester II, Bilik Mesyuarat Bendahari Tingkat 14.  
**24 Mac** - Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Kampus Tetap KUIM ke 24, Bil 3/2003, Bilik Mesyuarat Tingkat 13.  
**25 Mac** - Mesyuarat Persediaan Kursus Induksi Khusus/Umum Bil 1/2003 Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Bilik Mesyuarat Unit Pembangunan Tingkat 15.  
**26 Mac** - Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Aturcara dan Jemputan Majlis Konvokesyen KUIM, Bilik Mesyuarat Bendahari Tingkat 14.  
**27 Mac** - Mesyuarat Lembaga Pensyarah Universiti, Bilik Mesyuarat Utama.  
**28 Mac** - Mesyuarat Jawatankuasa Teknologi Maklumat Bil. 1/2003, Bilik Mesyuarat Utama.  
**31 Mac** - Mesyuarat Pemilihan Pelajar Peringkat Fakulti Bagi Kategori E dan F Untuk Kemasukan Sesi 2003/2004, Bilik Mesyuarat Utama.

### MAKLUMAN

**Anda ada sebarang berita/peristiwa untuk dikongsi bersama warga KUIM? Hantarkan kepada Unit Perhubungan Awam dengan kadar segera. Terima Kasih.**